Janaveloo a/l Kuppusamy lwn Ketua Polis Balai Polis Sentul Wilayah Persekutuan dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W–01–158 TAHUN 1998

MOKHTAR SIDIN, HASHIM YUSOFF DAN ARIFIN JAKA HHMR
24 JANUARY 2006

Jualan Barangan — Kenderaan bermotor — Belian kenderaan curi — Permohonan untuk deklarasi bahawa plaintif adalah tuanpunya benefisiari kenderaan — Sama ada plaintif pembeli bona fide untuk nilai — Sama ada perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan terpakai — Sama ada nama plaintif didaftar sebagai tuanpunya kenderaan — Akta Jalan Raya 1987 s 10(3)(a)

Perayu telah mengenali seorang yang bernama Tengku Shaiffuliazan ('Tengku'). Tengku telah membawa satu kereta terpakai jenama Nissan Cefiro di mana nombor pendaftarannya dinyatakan sebagai PCK 3061 ('kereta tersebut'). Setelah berunding perayu telah bersetuju untuk membeli kereta tersebut. Perayu seterusnya telah membuat penyiasatan secara kasar ke atas nombor injin dan nombor casis. Perayu mendapati nombor-nombor tersebut adalah sama dengan nombor-nombor yang dicatat di dalam kad pendaftaran yang telah diberikan oleh Tengku kepadanya. Perayu juga telah menelefon kawannya bernama Sandanasamy yang dikatakan bekerja di Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan ('JPJ') untuk mendapatkan pengesahan bahawa tidak ada kecacatan ke atas pendaftaran kereta tersebut. Perayu telah kemudiannya mengakui bahawa Sandanasamy bukanlah kakitangan JPJ tetapi bekas kakitangan JPJ. Seterusnya, Tengku telah memberikan semua dokumen pindahmilik kereta tersebut kepada perayu dan Tengku telah menyatakan dokumen telah ditandatangani oleh Ang Sean Chooi yang kononnya pemilik kereta tersebut. Perayu telah membuat pembayaran untuk menyelesaikan pinjaman bagi kereta tersebut. Tidak lama kemudian, beberapa anggota polis telah pergi ke rumah perayu dan mengambil kereta tersebut yang disyaki kereta curi. Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa nombor injin dan nombor casis asal kereta tersebut telah ditukar dan diubah. Jabatan Pengangkutan Jalan pula telah menjalankan siasatan dan mendapati bahawa nombor pendaftaran asal kereta tersebut ialah WBU 622 dan kereta tersebut telahpun dilaporkan telah dicuri. Hasil siasatan polis mendapati bahawa pemilik sebenar kereta tersebut ialah Mak Kam Thong. Dia telah membuat satu laporan polis yang menyatakan kereta tersebut telah dicuri. Dengan itu, pihak polis telah menyerahkan kereta tersebut kepada wakil insuran yang telah mengeluarkan insuran ke atas kereta tersebut semasa ianya dicuri. Perayu di Mahkamah Tinggi telah memulakan tindakan melalui saman pemula untuk mendapatkan perintah-perintah, antara lain, satu deklarasi bahawa plaintif adalah pemilik benefisial yang sah bagi kereta tersebut dan defendan pertama dan kedua tidak berhak mengambil apa-apa langkah atau tindakan dalam apa carapun yang akan mengganggu hak plaintif di bawah perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan

serta di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('Akta tersebut'). Permohanan perayu telah ditolak di Mahkamah Tinggi.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Perayu bukanlah pemilik benefisial ke atas kereta tersebut. Perayu telah gagal untuk membuktikan bahawa dia adalah 'bona fide purchaser for value' ke atas kereta tersebut. Oleh kerana dia bukanlah 'bona fide purchaser for value' perayu tidak mempunyai apa-apa hak ke atas kereta tersebut (lihat perenggan 9).

(2) Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai di dalam kes ini. Terdapat bukit-bukti yang sah yang diperolehi oleh responden pertama yang kereta tersebut telah dicuri dari pemilik asal dan dengan itu responden pertama berhak mengambil kereta itu dari perayu dan menahan kereta tersebut. Seterusnya majistret berhak melupuskan kereta tersebut kepada pemilik sebenar di mana di dalam kes ini adalah pihak insuran (lihat perenggan 9).

(3) Hak milik atau harta perayu yang hilang ialah wang pembayaran yang dibuat oleh perayu kepada Tengku atau Ang Sean Chooi. Tuntutan perayu sepatutnya dibuat ke atas salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya. Itulah remedi sebenar yang patut dibuat oleh perayu dan bukan ke atas kereta tersebut (lihat perenggan 10).

(4) Adalah jelas bahawa nombor pendaftaran asal kereta tersebut ialah WBU 622 dan bukannya PCK 3061. Buku pendaftaran yang telah dikemukakan oleh perayu mungkin buku pendaftaran palsu ataupun buku pendaftaran sebuah kenderaan yang lain yang telah diubahsuai. Setelah meneliti buku pendaftaran tersebut mahkamah mendapati nama perayu tidak ada dicatatkan di mana-manapun. Oleh kerana nama perayu tidak ada dicatatkan sebagai pemilik, perayu tidak berhak membangkitkan peruntukan s 10(3)(a) Akta tersebut (lihat perenggan 12).

[English summary

The appellant was acquainted to Tengku Shaiffuliazan ('Tengku'). Tengku drove a used Nissan Cefiro motocar bearing the registration number PCK 3061 ('the motocar'). After negotiation, the appellant agreed to purchase the motocar. The appellant thereafter made a search on the engine number and chasis number. The appellant found that the said numbers were similar to that stated on the registration card by Tengku Shaiffuliazan to him. The appellant contacted his friend, Sandanasamy who apparently works at the office of the Road Transport Department ('RTD') to obtain confirmation that there weren't any defects on the said car registration. The appellant then admitted that Sandanasamy was not a JPJ staff but an ex-JPJ staff. Further, Tengku gave all the transfer documents of the said car to the appellant and Tengku stated that the documents were signed by Ang Sean Chooi who was the so-called owner of the said car. The appellant made payment to settle the loan of the said car. Not long after that, a few policemen went to the appellant's house and took the said car which was suspected of being stolen. The chemist department

A confirmed that the engine and the said original chassis number was changed and altered. RTD carried out investigation and found that the original registration number of the said car was WBU 622 and the said car was reported stolen. From he police investigation, it was found that the true owner of the said car was one, Mak Kam Thong. He made a police report which stated that the said car was stolen. B With that, the police handed over the said car to the insurance agent, who took out insurance on the said car when stolen. The appellant at the High Court initiated an action via originating summons to obtain the orders, inter alia, a declaration that the plaintiff was a valid beneficial owner for the said car and the first and second defendants had no right to take any steps or action whatsoever which could obstruct the plaintiff's rights under art 13(1) of the Federal Constitution as well as under the C Road Traffic Act 1987 ('the said Act'). The appellant's application was dismissed by the High Court.

D **Held**, dismissing the appeal:

(1) The appellant was not a valid beneficial owner of the said car. The appellant failed to prove that he was a 'bona fide purchaser for value' of the said car. Due to the fact that he was not a 'bone fide purchaser for value', the appellant had no right over the said car (see para 9).

E

(2) Article 13(1) of the Federal Constitution was not applied in this case. There were valid proof obtained by the first respondent that the said car was stolen from the original owner and that the first respondent had the right to obtain the car from the appellant and detain the said car. Further, the magistrate had the right to return the said car to the real owner wherein in this F case would be the insurance company (see para 9).

(3) The transfer or appellant's lost assests was the payment made by the appellant to Tengku or Ang Sean Chooi. The appellant's claim, by right, was to be made on one of them or both which was supposed to be made by the appellant and G not on the said car (see para 10).

(4) It was clear that the original number of the said car was WBU 622 and not PCK 3061. The registration book produced by the appellant could be the false registration book or registration book of another vehicle which have been altered. After perusing the said registration book, the court found that the H appellant's name was not stated anywhere. Due to the fact that the appellant's name was not stated as the owner, the appellant had no right to raise the provision under s 10(3)(a) of the said Act (see para 12).]

Nota-nota

I Untuk kes-kes mengenai belian kenderaan curi, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 777–785.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 10(3)(a)
Perlembagaan Persekutuan perkara 13(1)

Rayuan daripada: Saman Pemula No R3–24–70 tahun 1997 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

D Kalaimany (Kalai & Partners) bagi pihak perayu.
Dato' Mary Lim (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mokhtar Sidin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Kami telah menolak rayuan ini dan sekarang kami memberikan sebab-sebab keputusan kami.

[2] Perayu iaitu plaintif di Mahkamah Tinggi telah memulakan tindakan melalui saman pemula untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(1) Satu deklarasi bahawa plaintif adalah pemilik benefisial yang sah bagi kenderaan bernombor pendaftaran PCK 3061 dan defendan pertama dan kedua tidak berhak mengambil apa-apa langkah atau tindakan dalam apa carapun yang akan mengganggu hak plaintif di bawah perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan serta di bawah Road Transport Act 1987 dan semua regulasi yang dibuat di bawah Akta tersebut.

(2) (Jika perintah di bawah perenggan 1 dibenarkan oleh mahkamah). Satu perintah memerintahkan defendan kedua untuk mendaftar hak plaintif seperti yang diisytiharkan oleh Mahkamah di bawah perenggan (a) dalam buku daftar di bawah s 8 Road Transport Act 1987.

(3) Satu perintah memerintahkan defendan pertama untuk memberi milikan kenderaan yang bernombor pendaftaran PCK 3061 dalam keadaan yang sama seperti mana ianya diambil milikan dari plaintif pada 1 November 1995.

(4) Satu deklarasi bahawa pendaftaran kenderaan bernombor pendaftaran PCK 3061 serta nombor enjin RB20-487832A dan nombor casis HA31-A08893 yang dibuat oleh defendan kedua pada 21 Oktober 1992 di bawah s 10 Road Transport Act 1987 adalah mengikat defendan kedua dan tidak boleh diubah atau dibatalkan.

Seterusnya perayu memohon ganti rugi sebagaimana yang dinyatakan di dalam perenggan 8. Yang Arif Hakim telah menyatakan bahawa perintah yang dimohon di perenggan-perenggan 5, 6 dan 7 telah ditarik balik.

[3] Fakta di dalam kes ini sebagaimana yang didapati oleh Yang Arif Hakim ialah perayu telah mengenali seorang yang bernama Tengku Shaiffuliazan ('Tengku') dan mereka telah membincangkan berkenaan penjualan dan pembelian kereta-kereta di mana perayu berjanji untuk memberi komisen kepada Tengku bagi setiap pembeli atau penjual kereta terpakai yang diperkenalkan oleh Tengku kepada perayu. Pada 7 Julai 1995, Tengku telah membawa satu kereta terpakai jenama Nissan Cefiro di mana nombor pendaftarannya dinyatakan sebagai PCK 3061 ('kereta tersebut'). Mengikut keterangan perayu, setelah berunding perayu telah bersetuju untuk membeli kereta tersebut dengan harga RM68,000. Perayu seterusnya menyatakan yang dia telah membuat penyiasatan secara kasar iaitu secara penglihatan sahaja ke atas nombor injin dan nombor casis. Perayu mendapati nombor-nombor tersebut adalah sama dengan nombor-nombor yang dicatat di dalam kad pendaftaran yang telah diberikan oleh Tengku kepadanya. Perayu di dalam keterangannya lagi

menyatakan yang dia telah menelefon kawannya bernama Sandanasamy yang dikatakan bekerja di Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan ('JPJ') untuk mendapatkan pengesahan bahawa tidak ada kecacatan ke atas pendaftaran kereta tersebut. Di dalam afidavitnya perayu telah mengakui bahawa Sandanasamy bukanlah kakitangan JPJ tetapi bekas kakitangan JPJ. Perayu tidak memanggil Sandanasamy sebagai saksi untuk membuat pengesahan. Seterusnya, Tengku telah memberikan semua dokumen pindah milik kereta tersebut kepada perayu dan Tengku telah menyatakan dokumen telah ditandatangani oleh Ang Sean Chooi yang kononnya pemilik kereta tersebut. Perayu di dalam keterangannya lagi menyatakan bahawa Tengku telah menelefon Ang Sean Chooi di mana perayu telah bercakap dengan Ang Sean Chooi yang kononnya telah mengesahkan dokumen pindah milik kereta tersebut. Dengan itu, perayu menyatakan yang dia telah membuat pembayaran sejumlah RM57,690.46 untuk menyelesaikan pinjaman kepada Bank Bumiputera Malaysia Berhad ('BBMB') bagi kereta tersebut. Pada 1 November 1995, beberapa anggota polis dari Balai Polis Sentul telah pergi ke rumah perayu dan mengambil kereta tersebut yang disyaki kereta curi. Setelah Jabatan Kimia membuat pemeriksaan teliti ke atas kereta tersebut, Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa nombor injin dan nombor casis asal kereta tersebut telah ditukar dan diubah (tampered).

[4] Jabatan Pengangkutan Jalan pula telah menjalankan siasatan dan mendapati bahawa nombor pendaftaran asal kereta tersebut ialah WBU 622 dan kereta tersebut telahpun dilaporkan telah dicuri di kawasan Damansara. Dengan itu, polis Balai Polis Sentul telah menyerahkan kereta tersebut kepada polis Balai Polis Petaling Jaya untuk siasatan lanjut. Hasil siasatan polis mendapati bahawa pemilik sebenar kereta tersebut ialah Mak Kam Thong. Dia telah membuat satu laporan polis yang menyatakan kereta tersebut telah dicuri dari kawasan Damansara pada 13 Januari 1995. Dengan itu, pihak polis telah menyerahkan kereta tersebut kepada wakil insurans yang telah mengeluarkan insuran ke atas kereta tersebut semasa ianya dicuri.

[5] Dari keterangan perayu adalah jelas bahawa perayu telah menonjolkan beberapa nama di dalam afidavitnya yang terlibat secara langsung dengan penjualan kereta tersebut iaitu Tengku dan Ang Sean Chooi. Kedua-duanya tidak ada memfailkan apa-apa afidavit atau dipanggil sebagai saksi untuk mengukuhkan keterangan perayu. Perayu tahu betapa pentingnya keterangan mereka supaya perayu tidak dipersalahkan ataupun terlibat di dalam kejadian kereta tersebut.

[6] Dari keterangan yang telah dikemukakan adalah jelas bahawa perayu tidak mengenali pemilik/penjual kereta tersebut yang dikatakan sebagai Ang Sean Chooi. Kononnya dia telah bercakap dengan Ang Sean Chooi apabila Tengku menelefon Ang Sean Chooi. Adakah orang yang bercakap dengan perayu itu sebenarnya Ang Sean Chooi? Pengesahan ini hanya dapat dibuat oleh Tengku dan Ang Sean Chooi, iaitu Tengku telah menelefon Ang Sean Chooi dan Ang Sean Chooi yang menerima telefon tersebut. Kedua-duanya tidak ada memfailkan afidavit ataupun memberi keterangan untuk mengesahkan keterangan perayu. Keterangan yang diberi oleh perayu berkenaan penglibatan kedua-duanya hanyalah dengar cakap (hearsay) dan tidak boleh diterima pakai.

[7] Keterangan perayu berkenaan Sandanasamy juga didapati sama. Keterangan perayu yang menyatakan bahawa Sandanasamy yang mengesahkan buku pendaftaran kereta tersebut tidak ada kecacatan juga tidak boleh diterima pakai. Pertama, Sandanasamy tidak ada memfailkan afidavit atau memberi keterangan dan dengan itu keterangan pengesahan itu adalah 'hearsay'. Keduanya, pada pendapat kami tidak wajar seseorang yang bukan kakitangan JPJ (sungguhpun dia bekas kakitangan JPJ) mempunyai 'access' ke atas rekod-rekod pendaftaran kereta. Ketiganya, kami berpendapat bahawa pengesahan nombor-nombor injin dan casis tidak dapat dibuat begitu sahaja (di dalam kes ini melalui telefon sahaja) tanpa membawa kereta tersebut ke JPJ untuk pemeriksaan.

[8] Di dalam kes ini, perayu telah diberitahu oleh pihak polis semasa kereta itu dirampas bahawa kereta itu disyaki dicuri. Perayu sepatutnya mengambil langkah-langkah tertentu iaitu mencari penjual dan wakil penjual iaitu Ang Sean Chooi dan Tengku untuk mendapatkan pengesahan sama ada kereta tersebut adalah kereta curi atau tidak. Tidak ada keterangan yang perayu berbuat demikian seolah-olah dia tahu yang kereta tersebut adalah kereta curi. Ini dikuatkan lagi dengan keterangan bahawa kereta yang dijual oleh perayu kepada kawan Tengku juga adalah kereta curi.

[9] Di dalam penghakimannya, YA Hakim menyatakan seperti berikut:

> Adalah tidak adil untuk membuat deklarasi bahawa plaintif adalah pemilik benefisial bagi kereta tersebut tanpa pihak ketiga hadir di hadapan Mahkamah. Lagipun, terdapat remedi-remedi alternatif dalam kes ini. Perintah pelupusan yang dibuat oleh Majistret di bawah s 413 KPJ pada 5 Disember 1995 itu boleh disemak semula di bawah s 325 KJP. Terdapat juga suatu perjanjian di eksh J4 lamp 1 antara Tengku dan plaintif, di mana Tengku 'bersetuju bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit dalam urusan jual kereta ini.' Tetapi malang, remedi-remedi alternatif tersebut tidak dimanfaatkan oleh pihak plaintif. Pihak plaintif sepatutnya menuntut ganti rugi akibat pecah kontrak daripada Tengku yang telah bersetuju untuk menanggung atas segala kerugian dalam urusan jual kereta tersebut. Jadi, pada hemat saya, remedi-remedi alternatif tersebut sekiranya dilaksanakan, adalah remedi-remedi yang memadai. …

Di sini kami bersetuju dengan pendapat YA Hakim bahawa perayu bukanlah pemilik benefisial ke atas kereta tersebut. Di atas sebab-sebab yang kami nyatakan di atas, kami mendapati bahawa perayu telah gagal untuk membuktikan bahawa dia adalah 'bona fide purchaser for value' ke atas kereta tersebut. Oleh kerana dia bukanlah 'bona fide purchaser for value', kami mendapati perayu tidak mempunyai apa-apa hak ke atas kereta tersebut. Untuk mendapatkan perintah-perintah yang dimohon oleh perayu, perayu mestilah memohon berasaskan perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

> No person shall be deprived of property save in accordance with law.

Perkara ini bermaksud 'tiada seseorang boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang'. Di dalam kes ini, perayu bukanlah pemilik benefisial ke atas kereta tersebut ataupun kereta tersebut bukanlah harta hak milik perayu. Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai di dalam kes ini. Terdapat bukit-bukti yang sah yang diperoleh oleh responden pertama yang kereta tersebut telah dicuri dari pemilik asal dan dengan itu responden pertama berhak mengambil kereta itu dari

perayu dan menahan kereta tersebut. Seterusnya, majistret berhak melupuskan kereta tersebut kepada pemilik sebenar di mana di dalam kes ini adalah pihak insurans.

[10] Penghakiman YA Hakim Mahkamah Tinggi telah dicabar oleh peguam perayu kononnya hak asasi perayu telah dicabuli iaitu pemilikan kereta tersebut yang diperolehi secara sah (bona fide purchaser for value) tidak terpakai kerana kereta tersebut kereta curi. Hakmilik atau harta perayu yang hilang ialah wang pembayaran yang dibuat oleh perayu kepada Tengku atau Ang Sean Chooi. Tuntutan perayu sepatutnya dibuat ke atas salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya. Itulah remedi sebenar yang patut dibuat oleh perayu dan bukan ke atas kereta tersebut.

[11] Dengan itu kami mendapati YA Hakim telah membuat keputusan yang betul. Berkenaan dengan tindakan perayu ke atas responden kedua untuk mengeluarkan buku pendaftaran di atas nama perayu, adalah jelas kepada kami mengikut pemeriksaan oleh ahli kimia sebagaimana yang terdapat di ms 175 dan 176 rekod rayuan menunjukkan berikut:

> Nombor Injin yang dicetak:
>
> 487832A — ada kesan angka 8 di kedudukan dua telah diketuk dua kali (double stamping).

Di atas nombor casis pula adalah seperti berikut:

> Hasil — selepas chemical etching, terdapat kesan-kesan perubahan di angka 8 di kedudukan tujuh dan angka 8 di kedudukan lapan dalam nombor casis tersebut.
>
> Nombor asal — kemungkinan nombor asal casis adalah HA31 — A00093 Atau HA31 — A06693
>
> KEPUTUSAN
>
> Hasil pemeriksaan saya dapati nombor casis bagi kereta dengan pendaftaran PCK 3061 disahkan telahpun diubahsuaikan.

[12] Dari keterangan yang dinyatakan di atas, kami berpendapat buku pendaftaran yang telah dikemukakan oleh perayu bukanlah buku pendaftaran asal atau sebenar kereta tersebut. Peguam perayu telah membangkitkan peruntukan s 10(3)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menyatakan seperti berikut:

> (3) No motor vehicle shall be registered unless —
>
> (a) such vehicle bears a clear, distinct and untampered engine and casis number; and

Peguam perayu telah berhujah bahawa pendaftaran kereta tersebut tidak patut dibuat sekiranya terdapat kecacatan yang dinyatakan. Dengan adanya buku pendaftaran yang telah dikemukakan oleh perayu, maka pendaftaran kereta tersebut adalah sah. Kami tidak bersetuju dengan penghujahan tersebut. Adalah jelas kepada kami bahawa nombor pendaftaran asal kereta tersebut ialah WBU 622 dan bukannya PCK 3061. Buku pendaftaran yang telah dikemukakan oleh perayu mungkin buku pendaftaran palsu ataupun buku pendaftaran sebuah kenderaan yang lain yang telah

diubahsuai. Setelah meneliti buku pendaftaran tersebut kami mendapati nama perayu tidak ada dicatatkan di mana-manapun. Nama-nama yang dicatatkan di atas buku pendaftaran tersebut ialah Wong Chin Pau dan Ang Sean Chooi. Oleh kerana nama perayu tidak ada dicatatkan sebagai pemilik, perayu tidak berhak membangkitkan peruntukan tersebut.

[13] Di atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas kami mendapati tidak ada merit di dalam rayuan ini. Dengan itu, kami menolak rayuan ini dengan kos. Deposit hendaklah dibayar kepada responden sebagai sebahagian daripada kos yang akan ditaksirkan.

Rayuan ditolak.

Reported by Peter Ling